



Headline	Pameran MARA di LIMA 2013		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	26 Mar 2013	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	192,982
Page No	B3	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	240 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,125
Frequency	Daily	PR Value	RM 24,376



Pameran MARA di LIMA 2013

Majlis Amanah Rakyat (MARA) akan menyertai Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa 2013 (LIMA 2013) yang berlangsung mulai hari ini hingga 30 Mac di Langkawi, Kedah.

Penyertaan secara besar-besaran buat pertama kali agensi kerajaan itu bagi menonjolkan ke-pakarannya menghasilkan modal insan berkualiti dalam industri aeroangkasa dan maritim, diperkuatkan dengan kemudahan dimilikinya termasuk infrastruktur pendidikan, kajian dan penyelidikan (R&D) serta keupayaan pelaburan dalam syarikat berkaitan.

Pengarah Kanan Pelaburan

nya, Salmah Hayati Ghazali (**gambar**), berkata penyertaan MARA dalam LIMA 2013 membuktikan organisasi itu serius dalam memainkan peranananya untuk terus memacu ekonomi negara dan menjadi peneraju dalam industri berkenaan.

Medan penting

"LIMA 2013 akan menjadi medan penting kepada MARA untuk mempromosikan kelebihan modal insan dan infrastruktur lain yang dimiliki agensi ini yang mana memberi manfaat kepada pemain industri dan negara," katanya.

Komitmen MARA dalam industri itu begitu jelas menerusi kewujudan UniKL MIMET yang melahirkan tenaga kerja mahir aeroangkasa negara serta Universiti Kuala Lumpur-Malaysian Institute of Marine Engineering Technology (UniKL MIMET) yang berperanan melahirkan modal insan dalam bidang maritim.

Menerusi keduanya institusi itu serta lain-lain institusi pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) MARA, pembangunan modal insan yang dilahirkan adalah berdasarkan lapan skop utama iaitu teknologi maklumat dan komunikasi (ICT); kim-palan; pengendalian mesin; persian dan peralatan; penyegaran; pembaikan dan baik pulih (MRO); maritim; komposit; reka bentuk serta pembuatan.



Bagi TVET MARA yang membabitkan German-Malaysian Institute (GMI), Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) dan Institut Kemahiran MARA (IKM), ia turut melahirkan graduan yang diterima dalam industri berkaitan menerusi kursus seperti 'Metal Fabrication Technology', 'Machine Tools Manufacturing' serta 'CNC Precision Technology'.

Selain itu, Salmah Hayati berkata, kerjasama MARA dengan syarikat atau agensi dalam industri berkenaan amat penting untuk membangunkan Modul Pendidikan dan Latihan yang bertepatan dengan kehendak industri.

"Menerusi kerjasama strategik ini, MARA akan mempertingkatkan modul kursus dan latihan

sedia ada bagi keberkesanan program untuk membolehkan pelajar mengikuti latihan industri yang menepati kebolehpasaran dalam industri yang memerlukan 3,000 tenaga mahir menjelang 2015.

Kerjasama baru

"Hasil daripada sinergi dalam agensi ini dan kerjasama baru yang dapat dimuktamadkan di LIMA 2013, ia akan mampu mewujudkan hubungan efektif antara akademi dengan pemain global yang mendorong kepada pengeluaran tenaga kerja yang berkemahiran tinggi.

"Dengan menggembungkan ke-upayaan MARA dalam konteks pembangunan keusahawanan, mereka ini akan terus diasuh dan diperkasakan sebagai usahawan vendor dalam ekosistem industri ini," tambah Salmah Ha-